

PENDAHULUAN

Tabung Khairat Kemalangan dan Kematian Pelajar Universiti Teknologi Malaysia telah dimulakan pada tahun 1979. Ia dikendalikan bersama dengan Pejabat Bendahari yang berperanan sebagai pusat pembayaran tuntutan.

TUJUAN

Tabung ini bertujuan untuk :-

- Membantu mahasiswa yang ditimpa kemalangan samada kemalangan jalanraya atau kemalangan semasa bersukan.
- Memberikan bantuan segera kepada mahasiswa atau waris jika berlaku kemalangan atau kematian.

SUMBER KEWANGAN

Tabung ini memperolehi sumber kewangannya melalui potongan yuran daripada semua mahasiswa Universiti bagi setiap sesi pengajian serta derma dari orang perseorangan.

CARA MEMOHON

Mahasiswa yang ingin membuat permohonan dari tabung ini hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi dari Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan dikembalikan semula bersama dokumen yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

BENTUK BANTUAN

Bantuan yang diberikan adalah meliputi tempoh semasa pengajian ataupun semasa cuti semester dengan syarat bayaran yuran telah dijelaskan pada sesi yang berkenaan. Sumbangan yang diberi adalah seperti berikut:

A) KEMATIAN

(i) Kematian Mahasiswa

- Waris mahasiswa akan diberikan sumbangan wang pendahuluan sebanyak RM500.00 bagi urusan pengurusan jenazah.
- Pengurusan jenazah akan diuruskan oleh pihak Universiti sekiranya mahasiswa meninggal dunia di luar kawasan kediaman tetapnya. Pengurusan ini meliputi :-
 1. Urusan pengurusan jenazah termasuk kafan, mandi dan sebagainya (bagi pelajar Islam).
 2. Keranda - ditentukan mengikut kadar yang diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor HEMA (bagi mahasiswa bukan Islam).
 3. Penghantaran jenazah balik ke kampungnya termasuk perkhidmatan kargo bagi mahasiswa yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

(ii) Mahasiswa Kematian Ibu / Bapa / Suami / Isteri / Anak

- Sumbangan akan diberikan sebanyak RM100.00; atau
- Sekiranya kematian berlaku serentak, sumbangan akan diberikan sebanyak RM 100.00 setiap seorang; atau
- Dalam keadaan mahasiswa perlu balik segera untuk menghadiri pengebumian jenazah, mahasiswa akan hanya diberi tambang kapal terbang kelas ekonomi sehala dan tambang bas ekspres apabila balik semula ke kampus (mahasiswa yang tinggal di Semenanjung Malaysia).
- Bagi kes mahasiswa dari Sabah dan Sarawak, mahasiswa akan diberi tambang kapal terbang kelas ekonomi pergi dan balik (hanya dalam keadaan mahasiswa sempat menghadiri pengebumian jenazah)
- Mahasiswa perlu mengemukakan tiket kapal terbang, "boarding pass" atau tiket bas yang asal ke Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa apabila membuat tuntutan.
- Bagi mahasiswa yang telah mendahulukan wang mereka bagi urusan perjalanan balik semasa kematian ibu / bapa / suami / isteri / anak, bolehlah membuat tuntutan semula ke Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni dengan mengemukakan salinan sijil kematian dan salinan tiket yang asal.
- Bagi kes kematian mahasiswa luar negara, jenazah akan dihantar ke kedutaan negaranya yang terdekat.